



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN PERKHIDMATAN LOGISTIK

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

5 April 2024

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 05.04.2024

Panduan ini menggantikan Panduan Perkhidmatan Kurier bertarikh 21 Ogos 2019 dan Panduan Pengurusan Penggudangan bertarikh 6 Oktober 2020.

Panduan Perkhidmatan Logistik bertarikh 26 Februari 2024 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Logistik yang dikemaskini pada 05 April 2024.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang berkaitan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari panduan ini. Semua maklumat adalah terkini semasa penyediaannya dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	4
Terminologi	4
Pengenalan dan Skop Cukai	6
Operasi Umum Industri	7
Perkhidmatan Logistik	7
Layanan Cukai Perkhidmatan	7
Orang Kena Cukai.....	8
Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai	9
Perkhidmatan Bercukai.....	10
Penentuan Nilai Perkhidmatan Bercukai	27
Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa.....	27
Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang Berdaftar.....	28
Pengecualian Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan	31
Layanan Cukai Perkhidmatan Atas Perkhidmatan Logistik di Dalam Kawasan Khas (Special Area) dan Kawasan Ditetapkan (Designated Area).....	37
Pengecualian Cukai Perkhidmatan ke Atas Caj Ocean Freight bagi Perjalanan Melalui Mod Pengangkutan Laut	40
Isu Peralihan	41
Soalan - Soalan Lazim	43
Pertanyaan	56
Bantuan Selanjutnya dan Informasi Berkaitan SST	56

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan (ACP) 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" serta dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya.
4. Panduan ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami layanan cukai ke atas perkhidmatan yang berkaitan dengan penghantaran barang.
5. Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan **Panduan Ejen Kastam**.

TERMINOLOGI

6. Perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - (i) **"Barang"** ertinya semua jenis harta alih di bawah Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - (ii) **"Ejen Kastam"** ertinya mana-mana orang yang diluluskan di bawah seksyen 90, Akta Kastam 1967 untuk menjalankan sebarang urusan perkastaman bagi pihak orang lain (Seksyen 90, Akta Kastam 1967);
 - (iii) **"Penyedia perkhidmatan makanan atau minuman"** adalah mana-mana orang menyediakan perkhidmatan penyediaan makanan atau minuman yang disedia atau disaji di bawah kawalan penyedia makanan atau minuman berkenaan;

- (iv) **“Kawasan Ditetapkan”** (KD) ertinya Labuan, Langkawi, Pangkor dan Tioman. (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
- (v) **“Kawasan Khas”** (KK) ertinya mana-mana zon bebas di bawah seksyen 3, Akta Zon Bebas 1990, gudang berlesen di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 (AK1967) dan gudang pengilangan berlesen di bawah seksyen 65A (AK1967), kawasan pembangunan bersama (KPB) dan Pengkalan Bekalan Petroleum (Seksyen 77b, AK1967);
- (vi) **“Penghantaran barang”** ertinya pergerakan fizikal barang dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain sama ada melalui jalan udara / laut / sungai / darat / saluran paip;
- (vii) **“Perkhidmatan logistik”** ertinya perkhidmatan yang melibatkan suatu rangkaian bekalan dengan merancang, melaksana dan mengawal pergerakan dan penyimpanan barang, perkhidmatan serta maklumat berkaitan secara cekap dan berkesan dari lokasi asal hingga ke lokasi penggunaan untuk memenuhi keperluan pelanggan;
- (viii) **“Penghantaran makanan atau minuman”** ertinya pergerakan fizikal makanan atau minuman dari penyedia perkhidmatan makanan atau minuman kepada pelanggan di suatu tempat yang lain;
- (ix) **“Perkhidmatan kiriman cepat”** ertinya perkhidmatan pos yang disediakan dengan cara yang cepat dengan perkhidmatan jejak dan kesan (*Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pelesenan) 2015*);
- (x) **“Platform E-Dagang”** ertinya platform digital bagi aktiviti pembelian dan penjualan barang, makanan atau minuman melalui medium elektronik.
- (xi) **“Pintu masuk pertama di dalam Malaysia”** ertinya pelabuhan / terminal / jeti / pintu masuk sempadan di mana barang/kontena diangkat turun bagi pengangkutan air dan udara atau dilepaskan daripada kawalan kastam bagi pengangkutan darat yang tiba di Malaysia dari suatu tempat di luar Malaysia.
- (xii) **“Pintu keluar terakhir di dalam Malaysia”** ertinya pelabuhan / terminal / jeti / pintu keluar sempadan di mana barang/kontena diangkat turun bagi

pengangkutan air dan udara atau dilepaskan daripada kawalan kastam bagi pengangkutan darat untuk ke suatu tempat di luar Malaysia.

- (xiii) **“Perkhidmatan transit”** adalah penyediaan perkhidmatan melibatkan barang yang tiba di Malaysia dari luar Malaysia bagi tujuan ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui pengangkutan laut / udara / darat tanpa aktiviti pecah pukal.
- (xiv) **“Perkhidmatan transshipment”** ertinya perkhidmatan pindah kapal yang melibatkan barang dari luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia melalui pelabuhan / terminal yang sama tanpa aktiviti pecah pukal.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

7. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan logistik adalah dikategorikan sebagai orang kena cukai di bawah Kumpulan J, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

8. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan pengurusan penggudangan, perkhidmatan kiriman cepat dan ejen kastam telah dirangkumkan di dalam kumpulan perkhidmatan bercukai perkhidmatan logistik. Tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan logistik adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

PERKHIDMATAN	TARIKH KUAT KUASA
Pengurusan Penggudangan	1 September 2018
Kiriman cepat yang berlesen di bawah Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012	1 September 2018
Ejen Kastam	1 September 2018

Logistik

26 Februari 2024

9. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan logistik tidak dikenakan ke atas duti, cukai, levi, caj, atau apa-apa fi bayaran yang diwartakan.

OPERASI UMUM INDUSTRI

Perkhidmatan Logistik

8. Perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk, perkhidmatan penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang, perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang, perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012 dan perkhidmatan bagi pelepasan barang daripada kawalan kastam dikategorikan sebagai perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan J, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN

9. Penyedia perkhidmatan logistik, penyedia perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang dan penyedia perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012 perlu didaftarkan di bawah seksyen 12, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 sekiranya nilai perkhidmatan yang disediakan melebihi nilai ambang yang ditetapkan.
10. Perkhidmatan ejen kastam yang telah berdaftar di bawah seksyen 90(2), Akta

Kastam 1967, perlu membuat permohonan pendaftaran cukai perkhidmatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan sebagai ejen kastam. Tiada nilai ambang ditetapkan bagi perkhidmatan ini.

11. Selaras dengan seksyen 8, ACP 2018, berkuat kuasa mulai 26 Februari 2024, Menteri Kewangan telah menetapkan perkhidmatan logistik menjadi perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan J (butiran baharu) pada kadar 6%.

12. **Orang berdaftar sedia ada** seperti pengurusan penggudangan, ejen kastam dan kiriman cepat yang menyediakan perkhidmatan bercukai baharu seperti penghantaran barang, tarikh pengenaan cukai perkhidmatan adalah mulai **1 Mac 2024**.

13. Menteri Kewangan telah memberikan pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan diberikan kepada orang berdaftar sedia ada bagi tempoh 26 Februari 2024 hingga 29 Februari 2024 selaras dengan perenggan 34(4), ACP 2018.

14. **Orang berdaftar baharu bagi perkhidmatan bercukai baharu** yang bertanggung untuk berdaftar pada Februari 2024, permohonan pendaftaran perkhidmatan baharu adalah dalam tempoh 1 Mac 2024 hingga 31 Mac 2024 dan tarikh pengenaan cukai perkhidmatan adalah mulai **1 April 2024**.

15. Menteri Kewangan telah memberi pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan kepada penyedia perkhidmatan bercukai baharu bagi tempoh **26 Februari 2024 hingga 31 Mac 2024** selaras dengan seksyen 34(4), ACP 2018.

Orang Kena Cukai

16. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan;

- (a) logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rangkaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, pengurusan pelabuhan dan lapangan terbang, penggudangan atau pengurusan penggudangan, penghantaran fret, perkapalan, penerbangan atau kemudahan rangkaian sejuk, penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang; atau

(b) penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang; atau

(c) kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741].

17. Mana-mana orang yang diberikan kelulusan untuk bertindak sebagai seorang ejen di bawah seksyen 90(2) Akta Kastam 1967 [Akta 235].

Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai

18. Nilai ambang (*threshold*) bagi tujuan pendaftaran wajib di bawah perkhidmatan logistik ialah RM500,000 tidak termasuk perkhidmatan ejen kastam yang tiada nilai ambang.

Contoh 1

EZE Delivery Sdn Bhd (EDSB) adalah sebuah syarikat penghantaran barang. Jangkaan pendapatan syarikat untuk tempoh 12 bulan ke hadapan bagi perkhidmatan penghantaran barang adalah sebanyak RM600,000. Selaras seksyen 12(2)(b) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Syarikat EDSB wajib berdaftar cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan logistik kerana nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan untuk tempoh 12 bulan tersebut melebihi nilai ambang.

Contoh 2

ACE Delivery Sdn Bhd (ADSB) adalah sebuah syarikat penghantaran barang. Jangkaan pendapatan syarikat untuk tempoh bulan semasa dan 11 bulan ke hadapan bagi perkhidmatan penghantaran barang adalah sebanyak RM800,000. Syarikat ADSB wajib berdaftar cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan logistik kerana nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan untuk tempoh 12 bulan tersebut melebihi nilai ambang.

Contoh 3

Grocerymart adalah sebuah pasaraya yang turut menyediakan perkhidmatan penghantaran barang kepada pelanggannya. Bagi tujuan pengiraan nilai ambang yang ditetapkan, Grocerymart hanya perlu mengambil kira jumlah keseluruhan nilai perkhidmatan penghantaran barang sahaja untuk tempoh 12 bulan. Berdasarkan **Jadual 2** di bawah, Grocerymart adalah tidak bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah perkhidmatan logistik.

Jadual 2

Item	Jumlah (RM)
Jualan barang kelengkapan harian	RM 600,000.00
Caj Penghantaran Barang	RM 200,000.00

Perkhidmatan Bercukai

19. Perkhidmatan bercukai yang ditetapkan di bawah perkhidmatan logistik yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah:

- (i) Perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada perkhidmatan –

A. pengurusan logistik;

Perkhidmatan pengurusan logistik bermaksud penyedia perkhidmatan logistik yang mengatur dan mengurus sebahagian atau keseluruhan aktiviti penghantaran **barang** bagi pihak orang lain.

Contoh 4

Di dalam bulan Mac 2024, Syarikat Fast Freight Sdn Bhd (FF) memberikan perkhidmatan penghantar fret yang merangkumi perkhidmatan pengangkutan, penggudangan, dokumentasi dan pelepasan Kastam. FF bukan merupakan ejen Kastam yang sah dan tidak mempunyai pengangkutan dan gudang sendiri.

Oleh yang demikian, FF menggunakan perkhidmatan dari syarikat lain. FF kemudiannya akan mengenakan caj kos termasuk *mark-up* kepada pelanggannya. Kesemuanya caj yang dikenakan FF kepada pelanggannya adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan logistik.

B. pengurusan pelabuhan dan lapangan terbang;

Perkhidmatan pengurusan pelabuhan dan lapangan terbang melibatkan pemuatan, pemunggahan muatan, perkhidmatan pengendalian atau penyimpanan barang oleh pengendali suatu pelabuhan atau lapangan terbang.

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan sampingan yang berkaitan dengan pengangkutan dan penghantaran barang seperti perkhidmatan pengendalian vessel atau kapal terbang, perkhidmatan navigasi, pemasangan *safety net*, *fumigation service*, pemasangan kren, pemasangan *gangway* dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan dan penghantaran barang di pelabuhan atau lapangan terbang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan sampingan seperti penambahan bahan mentah atau stok (*ship stores*), pembekalan alat ganti kapal (*ship spares*), perkhidmatan pengangkutan anak kapal, perkhidmatan perubatan dan lain-lain perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan pengangkutan dan penghantaran barang adalah tidak bercukai. Walau bagaimanapun, penghantaran melibatkan bahan mentah, stok (*ship stores*), alat ganti kapal dan lain-lain barang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 5

Maju Pelabuhan Sdn Bhd (MPSB) merupakan syarikat yang diberi kuasa untuk mengurus atau menyediakan aktiviti-aktiviti pengendalian kargo / kontena di pelabuhan Lumut. Caj-caj pengurusan pelabuhan seperti caj pengendalian kontena (*container handling charges*), *container weighing*, *special service request*, *extra*

movement charges, port charges, cargo handling, penukaran destinasi dan lain-lain caj yang dikenakan oleh MPSB kepada pelanggan-pelanggan berhubung pengendalian barang, pengangkutan barang dan penghantaran barang adalah suatu perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan logistik dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 6

ABC Sdn Bhd pengendali jeti persendirian mengurus atau menyediakan aktiviti-aktiviti pengendalian kargo di jeti Pulau Pinang. Caj-caj pengurusan dan pengendalian kargo berhubung pengangkutan barang dan penghantaran barang di jeti yang dikenakan oleh ABC kepada pelanggan-pelanggannya adalah suatu perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan logistik dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 7

Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) merupakan pihak berkuasa pelabuhan yang mengawal selia aktiviti-aktiviti pelabuhan dan pengendalian kargo di Pelabuhan Klang. Caj-caj pengurusan pelabuhan seperti dius pelabuhan dan lain-lain caj yang dikenakan oleh LPK kepada pelanggan-pelanggan berhubung pengendalian barang, pengangkutan barang dan penghantaran barang adalah suatu perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan logistik dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

C. penggudangan atau pengurusan penggudangan;

Perkhidmatan pengurusan penggudangan merujuk kepada perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali gudang / depoh yang meliputi pengaturan dan penyelarasan apa-apa aktiviti yang disediakan kepada pelanggan. Perkhidmatan pengurusan penggudangan adalah termasuk perkhidmatan pengendalian, memuat dan memunggah, memilih dan membungkus, kawalan keselamatan, dan lain-lain. Pengendali gudang /

depoh adalah merujuk kepada mana-mana orang yang menguruskan operasi gudang / depoh.

Perkhidmatan penggudangan melibatkan aktiviti seperti berikut:

- a. pengendalian
- b. memuat dan memunggah
- c. penyimpanan
- d. pemasangan
- e. pecah pukal
- f. pembungkusan semula
- g. pelabelan semula
- h. pukal (*consolidation*)
- i. kawalan keselamatan

*senarai ini tidak terhad kepada aktiviti yang dinyatakan di atas.

Contoh 8

Gudang Unggul Sdn Bhd (GUSB) memiliki sebuah gudang dan menyediakan beberapa perkhidmatan pengurusan penggudangan seperti menyimpan, membungkus semula, pengendalian, dokumentasi, kawalan keselamatan, mengangkat barang, mengaudit, pengangkutan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan di dalam gudang kepada pelanggannya. Perkhidmatan yang disediakan oleh GUSB adalah aktiviti pengurusan penggudangan di bawah perkhidmatan logistik dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 9

Megah Holding Berhad (MHB) menyewakan gudang milikannya sendiri kepada Forwarding Expert Sdn Bhd (FESB). FESB kemudiannya menjalankan perniagaan operasi gudang dengan memberikan perkhidmatan pengurusan penggudangan seperti menyimpan, membungkus semula, pengendalian barang kepada pelanggannya. MHB mengenakan sewaan bulanan sebanyak RM150,000 kepada FESB bagi tempoh 5 tahun kontrak sewaan. Caj sewaan gudang daripada MHB kepada FESB bukan aktiviti penggudangan atau pengurusan

penggudangan di bawah perkhidmatan logistik dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 10

Merujuk kepada Contoh 9, FESB menyediakan perkhidmatan pengoperasian penggudangan dan memberi sewaan ruang kepada pelanggan-pelanggannya bagi penyimpanan barangan di dalam gudang yang disewa oleh FESB. FESB akan mengenakan caj sewaan RM25 per kaki persegi. Caj sewaan yang dikenakan pada kadar RM25 per kaki persegi oleh FESB kepada pelanggannya adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 11

Syarikat AA mempunyai loji penyimpanan minyak di Kerteh, Kemaman Terengganu. Loji penyimpanan ini menyimpan minyak kepunyaan sendiri dan juga milik syarikat minyak yang lain seperti BB. Minyak ini disalurkan ke loji penyimpanan melalui saluran paip dari kapal minyak atau dari pelantar minyak di perairan Terengganu. Minyak kepunyaan AA ini akan diangkut keluar untuk dihantar ke stesen minyak milik syarikat menggunakan lori tangki minyak milik pihak ketiga. Manakala, pengeluaran minyak dari loji penyimpanan minyak oleh syarikat BB pula akan dikenakan caj *throughput* berdasarkan kepada volum pengeluaran minyak oleh AA.

Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan di bawah kumpulan J, Perkhidmatan Logistik?

Syarikat AA di dapati menjalankan aktiviti penggudangan minyak. Aktiviti penggudangan minyak ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah butiran 1(a), Ruang 1, Kumpulan J, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Syarikat AA hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penggudangan yang disediakan kepada BB berdasarkan kepada caj *throughput* yang dibilkan kepada BB.

Manakala, syarikat penyedia perkhidmatan pengangkutan minyak (pihak ketiga) hendaklah mengenakan CP kepada syarikat AA atas perkhidmatan mengangkut minyak dari loji ke stesen minyak milik syarikat AA.

D. penghantaran fret;

Perkhidmatan penghantaran fret melibatkan penyediaan perkhidmatan pengaturan dan pengurusan kargo bagi pihak perkapalan atau penerbangan. Perkhidmatan penghantaran fret melibatkan pengaturan keseluruhan proses sehingga ke penghantaran barang. Penghantar fret bertindak sebagai perantara antara pelanggan dengan pembekal perkhidmatan logistik yang lain dengan menguruskan pelbagai perkara seperti penentuan harga, laluan dan waktu perjalanan.

Sebahagian daripada senarai aktiviti perkhidmatan yang disediakan oleh pemberi perkhidmatan penghantaran fret adalah seperti berikut:-

- a. pelepasan kastam;
- b. pengendalian;
- c. pukal/pecah pukal (*consolidation/de-consolidation*)
- d. dokumentasi pengimportan dan pengeksportan;
- e. insurans;
- f. pembungkusan;
- g. penggudangan;
- h. pengurusan stok;
- i. pengangkutan;

*senarai ini tidak terhad kepada aktiviti yang dinyatakan di atas.

Contoh 12

Pasko Freight Sdn. Bhd. (PF) adalah sebuah syarikat penghantaran fret. Syarikat Ekonsep telah melantik PF untuk menguruskan barangnya yang akan sampai di Pelabuhan Klang, Selangor sehingga ke gudang simpanannya di Puchong, Selangor. PF akan menguruskan segala proses pengendalian dan pelepasan kastam

sehingga barang tersebut diturunkan di gudang Syarikat Ekonsep. Perkhidmatan PF adalah perkhidmatan logistik dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

E. perkapalan;

Perkhidmatan perkapalan adalah pergerakan vessel yang membawa muatan kontena atau kargo dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan yang lain sama ada di dalam perairan Malaysia atau luar Malaysia.

Perkhidmatan perkapalan yang dikenakan cukai perkhidmatan meliputi perkhidmatan pengangkutan, caj fret (tertakluk kepada pergerakan domestik), *shipping local charges*, *terminal handling charges*, *documentation charges*, *EDI charges*, dan lain-lain caj yang berkaitan dengan perkapalan.

Contoh 13

Everpink Corporation sebuah syarikat perkapalan antarabangsa yang membawa muatan kontena mengandungi permaidani milik Syarikat Carpets Baali dari Turki ke Pelabuhan North Butterworth Container Terminal (NBCT).

Caj pengangkutan (*ocean freight*) yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan perkapalan bagi mengangkut muatan kontena daripada pelabuhan Turki ke Pelabuhan NBCT Malaysia adalah tidak bercukai.

Setibanya di Pelabuhan NBCT, operator pelabuhan akan mengenakan caj-caj pelabuhan seperti *terminal handling charges*, *marine consolidated charges*, *stevedoring charges* dan lain-lain kepada syarikat perkapalan. Caj-caj ini juga tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana Pelabuhan NBCT merupakan Kawasan Khas.

Contoh 14

Pengilang perabot di Shah Alam membuat penghantaran perabotnya ke Kota Kinabalu, Sabah menggunakan perkhidmatan perkapalan

syarikat tempatan. *Ocean freight* dari Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Sepanggar adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan manakala caj pelabuhan yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan perkapalan kepada pengilang di Shah Alam adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 15

Everlite Limited Vessel (ELV) membawa muatan kontena daripada Australia ke Thailand dan singgah di Pelabuhan Klang bagi tujuan aktiviti pindah kapal. ELV mendapatkan bekalan stok (*ship stores*), alat ganti kapal (*ship spares*) dan minyak.

Muatan kontena ELV dipindahkan ke kapal lain (*transshipment*) untuk ke destinasi akhir di Thailand. Caj-caj pelabuhan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Keseluruhan perkhidmatan pindah kapal (*transshipment*) ini tidak termasuk di dalam perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan logistik.

Manakala perkhidmatan penghantaran bekalan stok, alat ganti kapal dan minyak ke kapal ELV adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

F. penerbangan;

Perkhidmatan penerbangan meliputi perkhidmatan penerbangan, pemuatan, pemunggahan muatan, perkhidmatan pengendalian atau penyimpanan barang oleh penyedia perkhidmatan.

Perkhidmatan pengendalian termasuklah pemunggahan kargo, perkhidmatan memuat, memunggah muatan, memuat semula, menyimpan, menjaga dan memindahkan kargo, aktiviti menimbang berat kargo, pemeriksaan kargo, menyediakan atau meminda bil jalan udara (*airway bill*) dan nota penghantaran (*consignment note*).

Contoh 16

Fab Express sebuah syarikat penghantaran yang memiliki kapal terbangnya sendiri dan membawa muatan kargo dari Amsterdam ke KLIA.

Caj penghantaran (*air freight*) yang dikenakan oleh Fab Express kepada pelanggannya bagi penghantaran kargo dari Amsterdam ke KLIA adalah tidak bercukai.

Contoh 17

Pos Laju menyediakan perkhidmatan penghantaran parcel melalui pengangkutan udara. Pos Laju menggunakan perkhidmatan syarikat MAS Kargo untuk mengangkut parcel tersebut dari KLIA ke Lapangan Terbang Antarabangsa Miri.

Perkhidmatan penghantaran parcel oleh MAS Kargo kepada Pos Laju adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 18

Amer membeli barang daripada penjual di Thailand. Pembekal di Thailand akan menghantar barang tersebut ke rumah Amer di Sepang, Malaysia dengan menggunakan perkhidmatan syarikat penghantaran Kong Express Limited (KEL) di Thailand. Pembekal di Thailand mengenakan caj penghantaran sejumlah 1500 baht kepada Amer di dalam invoice pembelian.

KEL Thailand merupakan sebuah syarikat penghantaran yang berpusat di Thailand dan mempunyai rangkaian syarikat di beberapa negara termasuk Malaysia. KEL Thai telah melantik KEL Malaysia untuk membuat penghantaran barang kepada Amer di Sepang, Malaysia. Keseluruhan caj penghantaran telah dibayar oleh pembekal di Thailand kepada KEL Thai.

Penghantaran dari Thailand ke Sepang yang melibatkan hanya satu penyedia rangkaian perkhidmatan penghantaran yang sama (KEL Thailand dan KEL Malaysia) adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan penghantaran ini berkonsep *door to door*.

Contoh 19

Femex Express (FE) Singapore adalah syarikat logistik yang berpusat di Singapura dan mempunyai beberapa rangkaian syarikat di kebanyakan negara di Asia termasuk Malaysia. FE Singapore mengamalkan sistem pengoperasian berpusat di mana invoice dikeluarkan oleh ibu pejabat di Singapura.

Pelanggan FE Malaysia, Rona Mewah di Shah Alam melantik FE Malaysia untuk membuat penghantaran barang dari Shah Alam ke penerima di Hong Kong. Rona Mewah telah dikenakan caj penghantaran sebanyak SGD 200. Caj perkhidmatan penghantaran yang dikenakan oleh FE Singapore melalui FE Malaysia tidak dikenakan cukai perkhidmatan kerana pembekalan perkhidmatan ini disediakan oleh satu penyedia rangkaian perkhidmatan yang sama dan bagi tujuan eksport ke luar Malaysia.

G. kemudahan rantaian sejuk

Perkhidmatan logistik rantaian sejuk melibatkan pengangkutan dan penyimpanan produk sensitif suhu melalui kaedah pembungkusan termal dan sejuk.

Contoh 20

Frozen Seafood Sdn Bhd (FSSB) adalah pengilang makanan sejuk beku dan memasarkannya ke seluruh Malaysia. FSSB merangka penghantaran produk-produknya ke seluruh pusat pengedarannya (*distribution centre*) menggunakan perkhidmatan pengangkutan kontena sejuk beku bagi memastikan kualiti produknya terjamin dan

bermutu.

Perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan pengangkutan rantai sejuk tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

20. Perkhidmatan bercukai dalam perkhidmatan logistik ini **tidak termasuk:-**

- (i) penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang termasuk kiriman cepat dokumen, bungkusan atau barang:
 - a) dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;
 - b) dari suatu pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia;
 - c) dari suatu tempat di luar Malaysia ke pintu masuk pertama di dalam Malaysia; atau;
 - d) yang tiba di pelabuhan kastam atau lapangan terbang Malaysia untuk tujuan pemindahan atau pemunggahan—
 - i. dari satu kapal terbang atau vessel ke satu kapal terbang atau vessel yang lain; atau
 - ii. dari satu kapal terbang atau vessel ke gudang Kastam atau gudang berlesen atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah

sehingga barang tersebut diangkut ke atas vessel atau kapal terbang bagi penghantaran ke luar Malaysia melalui pelabuhan atau terminal yang sama.

- e) yang tiba di Malaysia untuk tujuan transit dan seterusnya ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui pengangkutan laut / udara / darat.


21. Perkhidmatan bercukai dalam perkhidmatan logistik adalah perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang termasuk kiriman cepat

dokumen, bungkusan atau barang, kecuali penghantaran makanan atau minuman yang disediakan oleh penyedia makanan atau minuman.

Contoh 21

Perkhidmatan penghantaran barang bagi pembelian melalui kaedah biasa atau konvensional, penjual akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas caj penghantaran barang kepada pembeli.

Ilustrasi 1



Contoh 22

Pada 1 Jun 2024, NURFA Delivery (NURFA) menyediakan perkhidmatan penghantaran barang kepada pelanggannya. NURFA mengeluarkan invois dan mengenakan caj penghantaran barang. Perkhidmatan penghantaran barang yang disediakan adalah suatu perkhidmatan bercukai.

Contoh 23

Syarikat Furqan Furniture (SFF) merupakan sebuah syarikat yang menjual perabot jati. SFF turut menyediakan perkhidmatan penghantaran perabot ke rumah pelanggannya. Perkhidmatan penghantaran perabot tersebut adalah perkhidmatan bercukai.

Contoh 24

Ah Chong Trading merupakan pemborong makanan laut segar dan juga menyediakan perkhidmatan penghantaran barang kepada Restoran Makanan Laut Abu. Ah Chong Trading juga merupakan orang berdaftar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan penghantaran

barang. Ah Chong Trading mengenakan caj penghantaran barangan makanan laut segar tersebut kepada Restoran Makanan Laut Abu. Caj penghantaran tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana Ah Chong Trading bukan penyedia perkhidmatan makanan dan minuman di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Contoh 25

Fateen memesan makanan dari Diya Cafe secara dalam talian dan memilih untuk perkhidmatan penghantaran makanan tersebut ke rumahnya. Perkhidmatan penghantaran makanan tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana Diya Cafe merupakan penyedia perkhidmatan makanan dan minuman di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Contoh 26

Ravi membeli makanan dan minuman dari **kedai serbaneka** WeMart dengan menggunakan platform E-Dagang FastJedi. FastJedi mengenakan caj penghantaran ke atas perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman tersebut. Perkhidmatan penghantaran makanan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 27


Hantar Laju menyediakan perkhidmatan kiriman cepat, penghantaran surat, dokumen dan bungkusan. Selain daripada mengenakan caj ke atas penghantaran surat, dokumen dan bungkusan, Hantar Laju turut menjual setem dan sampul prabayar. Caj penghantaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan penghantaran kiriman cepat, surat, dokumen atau bungkusan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Penjualan sampul prabayar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana kaedah penghantaran adalah perkhidmatan kiriman cepat. Sebaliknya penjualan setem adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana kaedah penghantaran

bagi penggunaan setem adalah bukan penghantaran kiriman cepat.

Contoh 28

OneStop Centre adalah pusat setempat bagi pengumpulan dokumen, bungkusan atau barang untuk tujuan pengiriman cepat. Penyedia perkhidmatan kiriman cepat seperti Pos Laju, J&T, Ninja Van, City Link dan lain-lain penyedia perkhidmatan kiriman cepat akan membuat kutipan dokumen, bungkusan atau barang daripada OneStop Centre bagi tujuan penghantaran. OneStop Centre mengeluarkan invois kepada pelanggan ke atas perkhidmatan kiriman cepat yang diperoleh pelanggan dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran yang diuruskan bagi pihak penyedia perkhidmatan kiriman cepat.

Bagi pembelian secara konvensional yang dihantar oleh syarikat penghantaran barang, syarikat penghantar barang mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran barang kepada penjual. Penjual akan mengenakan caj penghantaran dan cukai perkhidmatan barang kepada pembeli.



Ilustrasi 2


Contoh 29

Haris membeli bunga dari sebuah kedai bunga yang tidak menyediakan perkhidmatan penghantaran. Haris menghubungi Syarikat Pikenmuv untuk membuat penghantaran bunga tersebut kepada destinasi yang ditetapkan. Perkhidmatan penghantaran bunga yang disediakan oleh Syarikat Pikenmuv adalah suatu perkhidmatan bercukai. Pikenmuv akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan

penghantaran bunga tersebut kepada Haris.

22. Perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang termasuk kiriman cepat dokumen, bungkusan atau barang dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang, tidak termasuk penghantaran makanan atau minuman yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan makanan atau minuman.

Ilustrasi 3



Contoh 30

Syarikat Jack Toys menggunakan platform E-Dagang syarikat Zippee untuk menjual barang-barang permainan. Zippee mengenakan caj penghantaran barang kepada Jack Toys kerana membuat penghantaran barang bagi pihak Jack Toys kepada pembeli. Cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas caj penghantaran tersebut. Transaksi **(a)** pada rajah di atas adalah dirujuk.

Sekiranya EMP menggunakan perkhidmatan syarikat kurier atau menggunakan perkhidmatan kurier yang disediakan oleh syarikat subsidiari

di bawah kumpulan yang sama (*sister company*) untuk menghantar barang kepada pembeli yang membuat pembelian melalui platform E-Dagang (EMP), syarikat kurier perlu mengenakan cukai perkhidmatan penghantaran barang kepada EMP. Transaksi **b(i)** pada rajah di atas adalah dirujuk.

Contoh 31

Fatimah membeli cadar daripada Textile.Co melalui platform E-Dagang Zathura. Zathura akan membuat penghantaran barang tersebut menggunakan perkhidmatan penghantaran Mama Move. Caj penghantaran Mama Move merupakan suatu perkhidmatan bercukai.

Sekiranya penyedia platform E-Dagang menggunakan perkhidmatan *in-house riders* (pekerja sendiri) untuk membuat penghantaran barang, tiada cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada *in-house rider* oleh platform E-Dagang. Rujuk transaksi **b(ii)** pada rajah di atas.

Contoh 32

Syarikat Benny merupakan syarikat penyedia platform E-Dagang dan menggunakan pekerjaanya sendiri (*in-house riders*) bagi perkhidmatan penghantaran barang. Syarikat Benny tidak mengenakan cukai perkhidmatan kepada *in-house riders*.

Sekiranya syarikat platform E-Dagang mengenakan caj penghantaran barang kepada pembeli, caj ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Rujuk transaksi **c** pada rajah di atas.

Contoh 33

Syarikat Winny Owned Berhad (WOB) menyediakan platform E-Dagang kepada penjual untuk menjual pelbagai produk seperti bekalan runcit, peralatan rumah, peralatan menulis dan lain-lain. WOB menguruskan penghantaran barang yang dijual kepada pembeli dengan menggunakan khidmat *riders* berdaftar dengan WOB (bukan pekerja WOB). Caj penghantaran yang dikenakan oleh *riders* berdaftar kepada WOB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. WOB yang menyediakan perkhidmatan pengurusan penghantaran dan mengenakan caj penghantaran kepada pembeli adalah tertakluk kepada cukai

perkhidmatan

23. Perkhidmatan ejen kastam bagi pelepasan barang daripada kawalan kastam.

Contoh 34

Cik Yuna mengimport pokok dari Indonesia ke Malaysia. Bagi tujuan pelepasan kastam, permit dari Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (di bawah Peraturan 5, Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981) diperlukan untuk mengimport pokok dan produk tumbuhan ke negara ini. Caj berkanun sebanyak RM15 akan dikenakan oleh Jabatan Pertanian (agensi Kerajaan) untuk permit tersebut.

Cik Yuna melantik ejen kastam, Fariz Forwarder Enterprise (FFE) bagi mendapatkan permit pelepasan pokok/produk tumbuhan daripada kawalan kastam. FFE mengenakan caj dokumentasi, caj pengendalian, caj pemeriksaan dan lain-lain caj kepada Cik Yuna. Semua caj yang dikenakan kepada Cik Yuna adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali caj berkanun yang dikenakan oleh Jabatan Pertanian. Caj berkanun (tanpa *mark-up*) yang dikenakan oleh agensi kerajaan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

24. Penyediaan perkhidmatan logistik seperti di perenggan 19, 21, 22 dan perenggan 23 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan apabila perkhidmatan disediakan:

- (i) antara tempat di Malaysia ke tempat lain di Malaysia;
- (ii) antara tempat di Malaysia ke tempat di Kawasan Ditetapkan (KD), atau sebaliknya;
- (iii) antara tempat di Malaysia ke tempat di Kawasan Khas (KK), atau sebaliknya; atau
- (iv) antara tempat di KD ke tempat di KK, atau sebaliknya jika tempat utama perniagaannya berada di Malaysia.

- (v) di dalam KD atau di dalam KK, jika tempat utama perniagaannya berada di Malaysia.

Contoh 35

Peninsular Sdn Bhd (PSB) adalah sebuah syarikat penghantar barang yang ditubuhkan di Kuala Lumpur dan tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia. PSB dilantik untuk memberi perkhidmatan penghantar barang oleh syarikat Western Liner Sdn Bhd (WLSB) yang berada di Langkawi. Perkhidmatan penghantaran barang yang diberikan oleh PSB kepada WLSB adalah suatu perkhidmatan bercukai.

Contoh 36

AZ Services Sdn Bhd (ASFB) adalah sebuah syarikat penghantar barang yang tempat perniagaan utamanya terletak di Zon Bebas Pelabuhan Klang. ASFB dilantik untuk memberi perkhidmatan penghantar barang oleh syarikat Two Factory Sdn Bhd (TFSB) yang berada di Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Selangor. Perkhidmatan penghantaran barang yang diberikan oleh ASFB kepada TFSB adalah bukan suatu perkhidmatan bercukai.

Penentuan Nilai Perkhidmatan Bercukai

25. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, nilai perkhidmatan bercukai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diberikan. Sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa

26. Berdasarkan seksyen 7, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, cukai perkhidmatan perlu dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar.

27. Cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan perlu diikrar dan dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia apabila bayaran telah diterima daripada pelanggan.

Contoh 37

Lion Freight Sdn Bhd (LFSB) merupakan sebuah syarikat perkhidmatan penghantaran barang. LFSB selaku orang berdaftar cukai perkhidmatan memberikan perkhidmatan penghantaran barang kepada Syarikat Yess Sdn Bhd (SYSB) pada Oktober 2024 di mana cukai perkhidmatan dikenakan. LFSB telah mengeluarkan invois kepada SYSB pada 1 Oktober 2024 dan SYSB membuat 50% bayaran pada Disember 2024.

Bagi perkhidmatan yang diberikan kepada SYSB, LFSB akan membuat pengikraran dan pembayaran cukai perkhidmatan pada bulan Januari 2025 (bagi tempoh bercukai November – Disember) ke atas 50% bayaran diterima pada Disember 2024 sahaja.

28. Walau bagaimanapun, dibawah seksyen 11(2), ACP 2018 sekiranya tiada sebarang bayaran diterima 12 bulan dari tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan, maka adalah menjadi tanggungjawab orang berdaftar untuk mengakaun dan membuat bayaran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas nilai bayaran yang belum diterima.

Contoh 38


Merujuk kepada contoh 16 di atas, LFSB masih tidak menerima baki bayaran sehingga 1 Oktober 2025 ke atas invois yang dikeluarkan pada 1 Oktober 2024. LFSB adalah bertanggungjawab untuk membuat pengikraran dan bayaran cukai perkhidmatan pada penyata November 2025 kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas baki bayaran 50% yang belum dibayar oleh pelanggan kepada LFSB.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

29. Perkhidmatan logistik merupakan suatu perkhidmatan bercukai mulai 26 Februari 2024.

30. Bagi tujuan pendaftaran di bawah ACP 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan logistik hendaklah membuat pengiraan ke atas jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan semasa dan sebelas bulan ke hadapan. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dimohon tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya.

Ilustrasi 4



31. Pendaftaran mula berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2024 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(3), ACP 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Ogos 2024.


32. Mana-mana orang yang telah menjadi orang berdaftar sebagai penyedia perkhidmatan kiriman cepat, pengurusan penggudangan dan ejen kastam sebelum 26 Februari 2024, OKC tersebut tidak perlu untuk membuat pendaftaran baharu di bawah perkhidmatan logistik (Kumpulan J). Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan logistik hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2024. Bagi tempoh 26 Februari 2024 hingga 29 Februari 2024, Menteri Kewangan telah memberikan pengecualian dari pengenaan dan pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan logistik tersebut selaras dengan seksyen 34 (3)(a) dan seksyen 34 (4), ACP 2018 (rujuk Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 1/2024 bertarikh 28 Februari 2024).

Ilustrasi 5



33. Mana-mana orang yang telah menjadi orang berdaftar selain dari perkhidmatan kiriman cepat, pengurusan penggudangan dan ejen kastam sebelum 26 Februari 2024 serta turut menyediakan perkhidmatan logistik di mana nilai perkhidmatan bercukai bagi tempoh Februari 2024 dan sebelas bulan ke hadapan dijangka melebihi nilai ambang ditetapkan, penambahan perkhidmatan logistik hendaklah dibuat serta merta dan tarikh pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan logistik adalah berkuatkuasa mulai 1 Mac 2024. (rujuk Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 1/2024 bertarikh 28 Februari 2024)

Ilustrasi 6



34. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;

- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik/manual dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

35. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

PENGECUALIAN DARIPADA MEMBAYAR CUKAI PERKHIDMATAN

36. Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai Perkhidmatan) 2018 memberi pengecualian kepada orang berdaftar di bawah perkhidmatan logistik.

37. Orang berdaftar yang menerima perkhidmatan logistik layak diberi pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti di dalam perintah iaitu:

- (i) orang kena cukai yang dikecualikan adalah orang berdaftar;
- (ii) perkhidmatan bercukai yang dikecualikan diberikan oleh orang berdaftar;
- (iii) perkhidmatan bercukai yang dikecualikan adalah perkhidmatan di bawah **butiran yang sama** dengan perkhidmatan yang disediakan; dan
- (iv) perkhidmatan bercukai yang dikecualikan bukan untuk kegunaan sendiri.

38. Pengecualian cukai ini diberikan khusus kepada penerima perkhidmatan ke atas perkhidmatan logistik yang diperoleh dari penyedia perkhidmatan dari kategori butiran yang sama. Kategori butiran yang sama bermaksud mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan seperti berikut;

- (i) Butiran 1(a) kepada butiran 1(a) ;

- (ii) Butiran 1(c) kepada butiran 1(c)
- (iii) Butiran 1(d) kepada butiran 1(d) dan
- (iv) Butiran 2 kepada butiran 2 sahaja.

39. Bagi tujuan pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan J, Menteri Kewangan telah menetapkan penerima perkhidmatan di bawah butiran yang sama dengan penyedia perkhidmatan, adalah layak dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan yang diperoleh dari penyedia perkhidmatan logistik.

40. Penyedia perkhidmatan di bawah Kumpulan J adalah seperti berikut:

- i) Butiran 1(a)

perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk, penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang;

Contoh 39

Megah Maju (MM) mengimport perabot daripada Indonesia. MM melantik Fret Forwarder Unggul (FFU) untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan logistik bagi pengimportan tersebut. Pengendali pelabuhan mengenakan caj seperti *terminal handling charges*, caj pemunggahan dan lain-lain caj kepada FFU. Pengendali pelabuhan tidak mengenakan cukai perkhidmatan ke atas caj-caj ini kerana perkhidmatan yang disediakan adalah di bawah butiran yang sama. (butiran 1a – 1a)

Contoh 40

Fret Forwarder Unggul (FFU) dilantik untuk menguruskan penghantaran kenderaan daripada Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Sepanggar. Dalam menyediakan perkhidmatan tersebut, FFU telah dikenakan caj daripada pengendali pelabuhan di Pelabuhan Klang, pengusaha kapal Maritime,

pengendali pelabuhan di Pelabuhan Sepanggar dan ejen fret Sabah Mewah Forwarder. Caj-caj yang dikenakan kepada FFU bagi tujuan penghantaran kenderaan ke Pelabuhan Sepanggar adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan kerana FFU dan kesemua penyedia perkhidmatan tersebut berdaftar di bawah butiran 1(a).

Contoh 41

IKIAH melantik Syarikat DEF Sdn Bhd untuk membuat penghantaran kontennanya yang berjumlah 1500 kontena daripada pelabuhan ke gudang IKIAH. Syarikat DEF Sdn Bhd kemudiannya melantik Syarikat ABC Sdn Bhd bagi menghantar sebahagian 700 kontena kerana kekurangan *prime mover*. Perkhidmatan *haulier* yang diberikan oleh ABC kepada DEF layak mendapat pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan.

Pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ini layak diberikan kerana penerima dan penyedia perkhidmatan berdaftar di bawah butiran yang sama iaitu butiran 1(a).

Contoh 42

Syarikat pengangkutan Aman Damai (AD) yang beroperasi di Klang telah menerima tempahan kerja untuk menghantar barang ke gudang AYS SDN Bhd di Sungai Buloh dan mengenakan caj penghantaran sebanyak RM800. Kos penghantaran barang dari Klang ke Sg Buloh ini sebanyak RM800 dikecualikan dari pembayaran CP dengan AD mencatatkan B2B di dalam pembilan invois kepada pemilik AYS SB yang kedua-duanya adalah berdaftar di bawah butiran 1(a) Kumpulan J.

Contoh 43

JoJoMu (berdaftar di butiran 2, Kump J) adalah ejen kastam yang dilantik untuk menguruskan pelepasan kastam dan penghantaran barang ke atas konsainan barangan kasut sukan milik syarikat Adidus Sdn Bhd (Adidus) di gudang syarikat di Nilai 3, Negeri Sembilan. JoJoMu telah memberikan kerja penghantaran barang kepada syarikat Sinar Pantas Freight Services (berdaftar di butiran 1(a), Kump J). Syarikat Sinar Pantas telah

mengenakan kos penghantaran kontena ke Nilai 3, N9 sebanyak RM900 kepada JoJoMu. Manakala, JoJoMu pula mengenakan caj perkhidmatan termasuk EDO, *examination fee*, THC, caj storage, caj demurrage, forwarding fee sebanyak RM1,200 dan caj pengangkutan RM1,000 kepada Adidus.

JoJoMu tidak layak untuk menuntut pengecualian B2B dari Sinar Pantas kerana kedua-dua syarikat ini terletak di bawah butiran berbeza di dalam kumpulan J dan CP hendaklah dicaj sebanyak 6% keatas nilai RM900 yang dikenakan kepada JoJoMu (RM54). Manakala, JoJoMu pula hendaklah mengenakan CP (cukai perkhidmatan) ke atas khidmat logistik kepada syarikat Adidus iaitu RM72 ($RM1200 \times 6\%$) dan RM60 ($RM1000 \times 6\%$).

ii) Butiran 1(c)

perkhidmatan penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan melalui platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang.

Contoh 44

ShopShop adalah platform E-Dagang yang menyediakan perkhidmatan penghantaran bagi pihak penjual kepada pembeli. ShopShop seterusnya melantik SS Express untuk membuat penghantaran barang kepada pelanggan. SS Express akan mengenakan caj penghantaran berserta cukai perkhidmatan kepada ShopShop. ShopShop tidak layak diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan kerana ShopShop adalah penyedia perkhidmatan di bawah butiran 1(c) manakala SS Express adalah penyedia perkhidmatan di bawah butiran 1(a).

iii) Butiran 1(d)

perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741] dan

Contoh 45

Fast Courier adalah orang berlesen di bawah Akta Pos 2012. Fast Courier

telah dilantik oleh pelanggan untuk membuat pengurusan penghantaran barang. Dalam menyediakan perkhidmatan tersebut, Syarikat Fast Courier akan dikenakan caj pengendalian oleh pengendali terminal kargo (bukan di dalam Kawasan Khas). Perkhidmatan pengendalian yang disediakan oleh pengendali terminal kargo adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan begitu juga dengan caj penghantaran yang dikenakan oleh Fast Courier kepada pelanggan. Tiada pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan layak digunakan kerana Fast Courier adalah penyedia perkhidmatan di bawah butiran 1(d) manakala pengendali terminal kargo adalah penyedia perkhidmatan di bawah butiran 1(a).

iv) Butiran 2 –

Mana-mana orang yang diluluskan untuk bertindak sebagai ejen kastam di bawah subseksyen 90(2) Akta Kastam 1967

Contoh 46

IKIAH melantik Syarikat DEF Sdn Bhd (DEF) untuk membuat penghantaran kontennanya yang berjumlah 1500 kontena dari pelabuhan ke gudang IKIAH.

DEF telah melantik syarikat BDE Forwarder (BDE) sebagai ejen kastam untuk urusan pelepasan kontena IKIAH daripada kawalan kastam. BDE telah mengenakan caj perkhidmatan ejen kastam ke atas perkhidmatan yang diberikan kepada DEF.

Caj perkhidmatan ejen kastam yang dikenakan oleh BDE kepada DEF adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan tidak layak mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan yang disediakan oleh kedua-dua syarikat tersebut bukan di bawah butiran yang sama.

41. Orang berdaftar tidak perlu mengemukakan permohonan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan di pejabat Kastam ataupun secara dalam talian di laman

sesawang MySST. Kemudahan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah bersifat **self-compliance**. Orang berdaftar di bawah Kumpulan J yang layak menikmati kemudahan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan hendaklah menyimpan dokumen yang berkaitan bagi tujuan audit.

42. Bagi tujuan kemudahan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan, tanggungjawab penerima perkhidmatan adalah memaklumkan dan menyediakan dokumen sokongan kepada penyedia perkhidmatan supaya tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Penerima perkhidmatan akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelanggan akhir.

43. Tanggungjawab penyedia perkhidmatan adalah mengenalpasti penerima perkhidmatan layak menggunakan kemudahan pengecualian dan mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

44. Penyedia perkhidmatan hendaklah menyatakan di dalam invois '**Kemudahan pengecualian B2B di bawah Butiran 5, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018**'. Penyedia perkhidmatan juga perlu mengikrar nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan di dalam Penyata SST-02 di bawah butiran 18 (c). Rujuk contoh 47 di bawah.

Contoh 47

TAX INVOICE		ESTD 2020		
SFK LOGISTICS SDN BHD LOT 10, BANDARAYA IPOH 35000 IPOH PERAK SST NO : A10-1808-320030XX				
Invoice date 04.04.2024 Due date 04.06.2024 Invoice number 30102 Quote number 25007 Order number 4700017406	TO : MENDUNG WAREHOUSE SDN BHD LOT 11, BANDAR SERI MANJUNG 32040 SERI MANJUNG PERAK SST NO : A10-1808-320040XX			
Ref No 1100021655		Nilai RM1200.00 hendaklah diikrar di ruangan 18 (c) Penyata SST-02		
#	Description	Qty	Unit price	Amount
1	TRANSPORTATION CHARGES	3	400.00	1200.00
2	SST 6%			72.00
	*B2B EXEMPTION UNDER ITEM 5, PEPOT 2018			-72.00
TOTAL				1200.00

Nota : PEFPOT merujuk kepada Service Tax (**Persons Exempted From Payment Of Tax**) Order 2018 / Perintah Cukai Perkhidmatan (**Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai**) 2018

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN ATAS PERKHIDMATAN LOGISTIK DI DALAM KAWASAN KHAS (SPECIAL AREA) DAN KAWASAN DITETAPKAN (DESIGNATED AREA)

45. ACP 2018 telah memberikan tafsiran ke atas “kawasan khas” dan “kawasan ditetapkan”. Di bawah seksyen 2, ACP 2018 “kawasan ditetapkan” ertinya Labuan, Langkawi, dan Pangkor. Manakala “kawasan khas” ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, Kawasan Pembangunan Bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967.

46. Di bawah perkhidmatan logistik di dalam Kumpulan J, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, semua perkhidmatan di bawah kumpulan J yang disediakan berikut **kecuali perkhidmatan ejen kastam** adalah tidak tertakluk kepada pengenaan cukai perkhidmatan (dikecualikan) iaitu;

- i) Perkhidmatan logistik yang disediakan di dalam Kawasan Khas (KK) oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KK kepada penerima perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KK.
- ii) Perkhidmatan logistik yang disediakan di dalam Kawasan Ditetapkan (KD) oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD kepada penerima perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD.
- iii) Perkhidmatan logistik yang disediakan antara tempat di KD ke tempat di KK, atau sebaliknya, oleh penyedia perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD atau di KK kepada penerima perkhidmatan yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD atau di KK.

Contoh 48

Perkhidmatan Logistik disediakan di dalam Kawasan Khas.

Pejabat Operasi Multi Green dan gudang syarikat adalah terletak di dalam

PKFZ, berstatus zon bebas. Gudang ini dijadikan sebagai hub serantau sebelum barangan yang dibawa masuk ke Malaysia di pecah pukal untuk pengedaran ke negara ASEAN. Pengurusan logistik syarikat ini dilaksanakan oleh Tulus Freight Sdn Bhd. Dalam kes ini, semua kos logistik yang dikenakan oleh Tulus Freight SB bagi menguruskan pengimportan masuk barang ke Zon Bebas PKFZ dan pengeksportan keluar dari Malaysia adalah dikecualikan dari cukai, bermula dari pintu masuk pertama hingga ke gudang syarikat dan dari gudang ke pintu keluar terakhir di Pelabuhan Barat/Utara bagi tujuan eksport.

Nota: Sebaliknya, jika pejabat operasi Syarikat Multi Green beroperasi di luar zon bebas, maka kos logistik bagi pengoperasian gudang di dalam PKFZ ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 49

Perkhidmatan logistik disediakan di dalam Kawasan Ditetapkan.

Labuan Transport Services Sdn Bhd (LTSB) yang beroperasi di Pulau Labuan adalah sebuah syarikat yang menyediakan aktiviti perkhidmatan pengangkutan barang di dalam Pulau Labuan kepada pelanggan seperti Shell dan Petronas. Kos logistik bagi penyediaan perkhidmatan pengangkutan ini oleh syarikat LTSB adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 50

Perkhidmatan logistik di antara Kawasan Khas dengan Kawasan ditetapkan

Syarikat Multi XY adalah merupakan sebuah syarikat LMW yang menjalankan aktiviti pengilangan cip komputer di Shah Alam, Selangor. Bagi tujuan eksport, pihak syarikat telah menggunakan khidmat syarikat freight forwarder, CWU Freight Service (CWU) untuk menguruskan aktiviti logistik dan pelepasan kastam di pelabuhan (berdaftar di bawah butiran 1(a) dan butiran 2). CWU bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti pengeksportan barangan cip komputer tersebut ke USA melalui Pelabuhan

Barat, Pelabuhan Klang. CWU telah menggunakan khidmat syarikat perkapalan Evergreen bagi tujuan penghantaran barangan ke USA. Bagi tujuan pelepasan kastam (ikrar borang eksport K2), pihak CWU telah menggunakan perkhidmatan ejen kastam Asal Beres.

Pelbagai kos logistik berkaitan dikenakan oleh pihak CWU kepada syarikat Multi XY seperti *forwarding fee*, dokumentasi *fee*, caj pengangkutan, *examination fee*, *terminal handling charge*, *demurrage*, *storage fee* dan *cargo handling charges* berjumlah RM7,500 (kos ocean freight RM5000). Manakala, ejen Asal Beres pula telah mengenakan caj pelepasan kastam sebanyak RM200 kepada CWU atas khidmat diberikan untuk pelepasan kastam di pintu keluar Pelabuhan Barat.

Sebagai syarikat berstatus LMW, adakah terdapat layanan-layanan tertentu di bawah perkhidmatan logistik?

Pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk memberikan fasiliti-fasiliti tertentu ke atas syarikat berstatus LMW. Di bawah ACP 2018, pengilang LMW adalah dikategorikan sebagai di bawah kategori Kawasan Khas (Special Area).

Melalui Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 4/2024, mana-mana orang yang menjalankan perkhidmatan logistik di dalam atau di antara Kawasan Khas (Special Area) dan Kawasan Ditetapkan (Designated Area) adalah tidak dikenakan dari pengenaan cukai perkhidmatan **jika tempat perniagaan utama syarikat CWU berada di dalam Kawasan Khas atau Kawasan Ditetapkan**. Maka kos penghantaran dari SA (Kilang Multi MY) ke SA (Pelabuhan Barat) yang dikenakan oleh CWU sebanyak RM2,500 adalah tidak tertakluk kepada pengenaan cukai perkhidmatan.

Kos ocean freight berkaitan dengan pengeksportan barang ke USA sebanyak RM5,000 pula adalah merupakan suatu elemen kos yang dikecualikan di bawah butiran (a)(ii), Ruang 2, Kumpulan J, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024.

Manakala, CWU pula layak untuk menerima pengecualian cukai B2B bagi caj pelepasan kastam yang dikenakan oleh Asal Beres sebanyak RM200 kerana kedua-dua syarikat berdaftar di bawah butiran yang sama (butiran 2).

Nota: Namun begitu, jika sekiranya syarikat Multi Color menggunakan pelabuhan di Singapura untuk mengeksport barangan ke USA dan melalui pintu keluar sempadan di Kompleks Bangunan Sultan Iskandar, Johor maka kos penghantaran dari Shah Alam ke Kompleks Bangunan Sultan Iskandar, Johor dan caj pelepasan kastam adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Kompleks Bangunan Sultan Iskandar bukan merupakan Kawasan Khas.

PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS CAJ OCEAN FREIGHT BAGI PERJALANAN MELALUI MOD PENGANGKUTAN LAUT

47. Selaras dengan seksyen 34(3)(a) dan 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Menteri Kewangan memberikan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas caj *ocean freight* bagi semua barang yang dihantar menggunakan mod pengangkutan laut terhad kepada perjalanan/destinasi berikut:

- i) Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak/ Labuan
- ii) Sabah/Sarawak/Labuan ke Semenanjung Malaysia; dan
- iii) Perjalanan di antara Sabah, Sarawak dan Labuan

48. Berdasarkan kepada kuasa Menteri Kewangan ini, maka caj *ocean freight* yang dikecualikan adalah melibatkan **mod perjalanan laut sahaja** tidak termasuk pengangkutan barang menggunakan laluan sungai di Sabah dan Sarawak.

49. Sebagai contoh caj *ocean freight* bagi pengangkutan barang kargo di antara Pelabuhan North Butterworth Container Terminal (NBCT) ke Pelabuhan Senari, Kuching adalah dikecualikan dari cukai perkhidmatan. Namun begitu pengangkutan barang kargo dari Pelabuhan Sepanggar, Sabah, ke Pelabuhan Tawau (laut) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia adalah pergerakan barang di dalam negeri Sabah dan

pengangkutan barang dari jeti di bandar Sibu ke Kapit, Sarawak menerusi laluan Sungai Rajang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

ISU PERALIHAN

50. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan logistik adalah perkhidmatan bercukai. Perkhidmatan kiriman cepat, pengurusan penggudangan dan ejen kastam yang merupakan sebahagian daripada perkhidmatan logistik adalah perkhidmatan bercukai berkuat kuasa mulai 1 September 2018 manakala bagi perkhidmatan logistik yang lain menjadi perkhidmatan bercukai berkuat kuasa mulai 26 Februari 2024.

51. Berdasarkan Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan bercukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

- (i) Dalam hal jika perkhidmatan bercukai tidak lagi dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dalam Jadual Pertama dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh sebelum tarikh perubahan itu.
- (ii) Dalam hal suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh perubahan itu.

Contoh 1

Syarikat Noni Delivery Sdn Bhd telah menandatangani kontrak penghantaran barang dengan Syarikat XYZ pada Oktober 2023 bagi menyediakan perkhidmatan penghantaran barang untuk tempoh Oktober 2023 sehingga Disember 2024. Pembayaran hanya dibuat selepas perkhidmatan diberikan. Perkhidmatan penghantaran barang bagi tempoh dari bulan Oktober 2023 sehingga Februari 2024 adalah bukan suatu perkhidmatan bercukai manakala bagi tempoh dari Mac 2024 sehingga tamat kontrak adalah suatu perkhidmatan bercukai.

- (iii) Dalam hal jika suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan sebelum tarikh perubahan itu apa-apa bayaran diterima berkaitan dengan perkhidmatan itu yang akan diberikan pada atau selepas tarikh perubahan itu, tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas bayaran yang diterima itu.

Contoh 2

Huda telah membayar caj penghantaran barang kepada syarikat SS Delivery Sdn Bhd pada bulan Disember 2023 untuk perkhidmatan penghantaran barang yang akan diberikan pada bulan Mei 2024. SS Delivery Sdn Bhd telah menjadi orang berdaftar SST pada Mei 2024. Bayaran yang diterima bagi perkhidmatan penghantaran barang yang diberikan kepada Huda adalah tidak tertakluk pada cukai perkhidmatan.

SOALAN - SOALAN LAZIM

1.	S	:	Bagaimana untuk menjadi orang berdaftar?
	J	:	Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan logistik dan nilai perkhidmatan tersebut melebihi nilai ambang RM500,000 perlu memohon pendaftaran secara atas talian melalui pautan www.mysst.customs.gov.my
2.	S	:	Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai?
	J	:	Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 melalui perkhidmatan elektronik (MySST), pos atau perkhidmatan kurier ke Pusat Pemprosesan Kastam di Kelana Jaya. Kaedah pembayaran adalah sama ada melalui perbankan elektronik, cek atau draf bank. Bagi pembayaran menggunakan cek atau draf bank hendaklah dihantar melalui pos atau perkhidmatan kurier ke Pusat Pemprosesan Kastam di Kelana Jaya. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Penyata dan Bayaran.
3.	S	:	Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan invois untuk perkhidmatan logistik yang diberikan?
	J	:	Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan invois ke atas semua perkhidmatan logistik yang dibuat. Sila rujuk Panduan Umum bagi keterangan lanjut.
4.	S	:	Restoran Yummy menyediakan perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman yang dijual kepada pelanggan. Adakah caj penghantaran ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

	J	:	Tidak. Perkhidmatan penghantaran ini dikecualikan dari cukai perkhidmatan.
5.	S	:	Supermarket NIKI menyediakan perkhidmatan penghantaran barang yang dibeli oleh pelanggan. Adakah perkhidmatan ini bercukai?
	J	:	Ya. Perkhidmatan penghantaran barang yang disediakan oleh Supermarket NIKI adalah suatu perkhidmatan bercukai.
6.	S	:	Rani telah membeli beg tangan dengan menggunakan platform E-Dagang pada tempoh promosi 12.12 di mana platform tersebut menyediakan perkhidmatan penghantaran barang secara percuma. Adakah perkhidmatan tersebut merupakan perkhidmatan bercukai?
	J	:	Ya, ia adalah perkhidmatan bercukai. Nilai penghantaran barang yang dikenakan kepada Rani oleh platform E-Dagang adalah pada nilai RM0.00, maka cukai perkhidmatan yang dikenakan adalah RM0.00.
7.	S	:	Rani membeli beg tangan dengan menggunakan platform E-Dagang pada tempoh luar promosi iaitu pada 15.12.2024 dan dikenakan caj penghantaran sebanyak RM4. Bagaimanakah layanan cukai perkhidmatan jika nilai perkhidmatan bagi penghantaran percuma di luar tempoh promosi?
	J	:	Rani akan dikenakan caj penghantaran barang sebanyak RM4.00 ke atas pembelian pada 15.12.2024. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas caj tersebut $RM4.00 \times 6\% = RM0.24$. Maka jumlah nilai cukai perkhidmatan yang dikenakan adalah RM0.24.
8.	S	:	Lina membeli cadar bernilai RM400 dengan menggunakan platform E-Dagang. Penyedia platform tersebut memberikan promosi penghantaran barang percuma jika nilai pembelian

			melebihi RM200. Bagaimanakah layanan cukai perkhidmatan bagi pembelian Lina?
	J	:	Lina layak mendapat penghantaran percuma kerana pembelian Lina adalah melebihi RM200. Caj penghantaran barang adalah bernilai RM0.00 dan cukai perkhidmatan yang dikenakan juga pada nilai RM0.00.
9.	S	:	Lina membeli 1 unit cadar bernilai RM150 dengan menggunakan platform E-Dagang. Penyedia platform tersebut memberikan promosi penghantaran percuma bagi pembelian melebihi RM200 barang. Adakah Lina dikenakan caj penghantaran barang ke atas pembeliannya?
	J	:	Lina tidak layak mendapat penghantaran percuma kerana pembelian kurang daripada RM200, maka Lina akan dikenakan caj penghantaran barang. Caj penghantaran barang adalah bernilai RM4.00 dan cukai perkhidmatan yang dikenakan adalah RM0.24. ($RM4.00 \times 6\% = RM0.24$)
10.	S	:	Platform Eat4Life menyediakan perkhidmatan jual beli kepada penjual dan pengguna. Antara perkhidmatan yang disediakan di dalam platform tersebut adalah penjualan makanan, minuman, barangan runcit, barangan keperluan rumah, bahan-bahan mentah seperti ikan, sayur, bawang dan lain-lain. Adakah caj penghantaran yang disediakan oleh Eat4Life ke atas penghantaran makanan, minuman, barangan runcit, barangan keperluan rumah, bahan-bahan mentah yang dibeli melalui platform dikenakan cukai perkhidmatan?
	J	:	Perkhidmatan penghantaran ke atas barangan runcit, barangan keperluan rumah, bahan-bahan mentah yang disediakan oleh platform Eat4Life adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali

			penghantaran makanan atau minuman daripada pembekal penyedia perkhidmatan makanan atau minuman.
11.	S	:	Syarikat DF Shank adalah penyedia perkhidmatan logistik. Syarikat EZ Trading melantik DF Shank untuk menyediakan perkhidmatan logistik yang lengkap. Melalui perjanjian yang dibuat, perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk: i. Penghantaran barang ii. Punggah / memunggah (<i>loading/unloading</i>) iii. Pengendalian (<i>handling</i>) iv. Pilih dan bungkus (<i>pick & pack</i>) v. Kawalan keselamatan Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas pembekalan perkhidmatan syarikat DF Shank kepada EZ Trading?
	J	:	Kesemua perkhidmatan yang dibekalkan oleh DF Shank kepada EZ Trading adalah bercukai di bawah perkhidmatan logistik. DF perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas semua perkhidmatan yang diberikan.
12.	S	:	Di dalam menyediakan perkhidmatan logistik kepada pelanggan, kesemua lori DF Shank telah digunakan sepenuhnya. Ketiadaan lori menyebabkan DF Shank melantik Syarikat Power Transport SB (pihak ketiga) untuk membuat penghantaran bagi pihaknya. Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas pembekalan perkhidmatan penghantaran yang diberikan oleh Power Transport SB?
	J	:	Pembekalan perkhidmatan penghantaran yang disediakan oleh Power Transport SB kepada DF Shank adalah perkhidmatan bercukai. Power Transport SB perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran yang diberikan kepada DF Shank.

			Walau bagaimanapun, DF Shank layak mendapat pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
13.	S	:	Syarikat AiChenz Transport Sdn. Bhd. (ATSB) menyediakan perkhidmatan logistik yang memberi perkhidmatan penghantaran barang import dari kargo KLIA ke kilang Energy Factory Berhad (EFB) di Shah Alam. Perkhidmatan yang diberikan oleh ATSB merangkumi pengaturan keseluruhan proses termasuk penyimpanan, persediaan, pelepasan barang dari kawalan kastam, penghantaran, dan pergerakan barang dan kesemua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan logistik tersebut kepada pelanggan. Apakah layanan cukai ke atas pembekalan perkhidmatan yang diberikan oleh ATSB kepada EFB?
	J	:	Pembekalan perkhidmatan ATSB kepada EFB yang merangkumi pengaturan keseluruhan proses termasuk penyimpanan, persediaan, pelepasan barang dari kawalan kastam, penghantaran, dan pergerakan barang dan kesemua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan logistik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
14.	S	:	Shahrul mengepos surat kepada keluarganya di Perak dengan menggunakan setem RM1. Adakah penghantaran surat menggunakan setem tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
	J	:	Caj penjualan setem adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
15.	S	:	Syarikat Winning Berhad mengimport kontena kosong dari Hong Kong untuk kegunaan dan simpanan di depoh kontena di Pelabuhan Klang. Adakah caj penghantaran kontena kosong ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
	J	:	Caj penghantaran kontena kosong adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan bermula dari pintu masuk pertama di Malaysia.

16.	S	:	Apakah kaedah penentuan nilai ambang bagi perkhidmatan logistik?
	J	:	Kaedah penentuan nilai ambang bagi perkhidmatan logistik adalah berdasarkan nilai perkhidmatan bercukai bulan semasa dan sebelas bulan ke hadapan berjumlah RM500,000. (<i>future method</i>)
17.	S	:	Bilakah pendaftaran penyedia perkhidmatan logistik perlu di daftarkan?
	J	:	Penyedia perkhidmatan logistik yang bertanggung perlu membuat pendaftaran secara dalam talian bermula 1 Mac 2024 dengan mengemukakan borang SST-01 melalui sistem MySST.
18.	S	:	Adakah terdapat perubahan nilai ambang bagi perkhidmatan ejen kastam?
	J	:	Nilai ambang bagi perkhidmatan ejen kastam adalah kekal, iaitu nil.
19.	S	:	Adakah akan berlaku pertindihan cukai di dalam rantaian pembekalan perkhidmatan logistik?
	J	:	Bagi mengurangkan kesan pertindihan cukai di dalam rantaian pembekalan perkhidmatan logistik, kemudahan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan (B2B) diberikan kepada penerima perkhidmatan logistik di bawah butiran yang sama di dalam ruang (1), Kumpulan J seperti berikut: (i) 1(a) $\longrightarrow$ 1(a) (ii) 1(c) $\longrightarrow$ 1(c) (iii) 1(d) $\longrightarrow$ 1(d) (iv) 2 $\longrightarrow$ 2 Penerima perkhidmatan logistik layak menuntut pengecualian B2B jika syarikat tersebut turut menyediakan perkhidmatan kepada pelanggannya. Oleh itu, penerima perkhidmatan tersebut hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelanggan akhir.

20.	S	:	Apakah yang dimaksudkan dengan butiran yang sama bagi kemudahan pengecualian (B2B) daripada pembayaran cukai perkhidmatan diberikan kepada penyedia perkhidmatan logistik?
	J	:	Penyedia perkhidmatan penghantaran fret yang berada di bawah Jadual Pertama, Kumpulan J, Ruang (1), butiran 1(a), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 bukan sahaja mendapat pengecualian ke atas perkhidmatan fret tetapi turut layak mendapat pengecualian ke atas perkhidmatan lain seperti penggudangan, depoh, pelabuhan, perkapalan, penghantaran barang dan kemudahan rantai sejuk yang berada dalam butiran sama dengan perkhidmatan fret tersebut.
21.	S	:	Apakah perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan logistik?
	J	:	Perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada dikenakan cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan logistik adalah: (i) Penghantaran barang daripada suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia; (ii) Penghantaran barang bermula daripada pintu keluar terakhir ke suatu tempat di luar Malaysia; (iii) Penghantaran barang daripada suatu tempat di luar Malaysia ke pintu masuk pertama di dalam Malaysia; (iv) Perkhidmatan pindah kapal (<i>transshipment</i>) melibatkan barang dari luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia; (v) Perkhidmatan transit melibatkan barang dari luar Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia melalui mod pengangkutan udara/darat/laut; (vi) Perkhidmatan penghantaran bersifat door-to-door bagi barang dihantar terus daripada luar Malaysia kepada pelanggan di Malaysia

			atau dihantar terus dari Malaysia ke pelanggan di luar Malaysia tanpa melalui pihak ketiga, melibatkan perjalanan antarabangsa (international leg), menggunakan kaedah pengebilan satu invois (single invoice transaction) dan disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang sama adalah tidak tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan; (i) Penghantaran makanan dan minuman yang disediakan oleh orang kena cukai di bawah Kumpulan B
22.	S	:	Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan barang yang dieksport secara terus yang dikecualikan daripada cukai perkhidmatan?
	J	:	Pengecualian daripada pengenaan cukai perkhidmatan diberikan kepada perkhidmatan penghantaran barang yang dieksport secara terus dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia. Pintu keluar terakhir di dalam Malaysia adalah merujuk kepada pelabuhan / terminal / jeti / pintu keluar sempadan di mana barang/kontena diangkat turun bagi pengangkutan air dan udara atau dilepaskan daripada kawalan kastam bagi pengangkutan darat untuk ke suatu tempat di luar Malaysia. Bagi tujuan pengecualian cukai perkhidmatan, caj yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan bermula dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia. <u>Contoh</u> Kedai Perabot Jati Maju (PJM) di Shah Alam melantik ejen penghantaran Fast Forwarding (FF) untuk menguruskan penghantaran perabot kepada pelanggan PJM di Indonesia. FF menguruskan pengangkutan perabot daripada kedai PJM di Shah Alam ke Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, pelepasan barang dari

			kawalan Kastam serta menguruskan lain-lain perkhidmatan sampingan sehingga perabot tersebut diangkut naik ke atas kapal untuk ke destinasi akhir di Indonesia. Caj-caj pengurusan logistik yang dikenakan oleh FF kepada PJM bermula dari Shah Alam sehingga barang diangkut naik ke atas kapal adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Caj-caj yang dikenakan selepas barang diangkut naik ke atas vessel bagi tujuan eksport seperti <i>ocean freight, pilotage, tug boat charges</i> adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.
23.	S	:	Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan <i>transshipment</i>?
	J	:	<i>Transshipment</i> adalah suatu aktiviti pindah kapal melibatkan perkhidmatan penghantaran barang dari suatu tempat di luar Malaysia yang tiba dan keluar di pelabuhan kastam atau lapangan terbang Malaysia yang sama tanpa melibatkan aktiviti pecah pukal bagi maksud: i. pemindahan atau pemunggahan dari suatu pesawat udara atau vesel ke suatu pesawat udara atau vesel yang lain sehingga barang itu diangkut di dalam pesawat udara atau vesel dan diangkut keluar dari Malaysia; atau ii. pemindahan atau pemunggahan dari suatu pesawat udara atau vesel ke suatu gudang kastam, atau suatu gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sehingga barang itu diangkut di dalam vesel atau pesawat udara dan diangkut keluar dari Malaysia. Perkhidmatan pengurusan logistik, pengendalian pelabuhan / terminal, pengangkutan dan penggudangan yang terlibat di dalam aktiviti <i>transshipment</i> adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan. <u>Contoh</u> Everlite Limited Vessel (ELV) membawa muatan kontena daripada Australia ke Thailand dan singgah di Pelabuhan Klang bagi tujuan aktiviti

		pindah kapal. ELV telah mendapatkan bekalan stok (<i>ship stores</i>), alat ganti kapal (<i>ship spares</i>) dan minyak. Muatan kontena ELV dipindahkan ke kapal Mersk (<i>transshipment</i>) untuk ke destinasi akhir di Thailand. Caj-caj pelabuhan yang dikenakan bagi aktiviti <i>transshipment</i> ini adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, penghantaran bekalan stok (<i>ship stores</i>), alat ganti kapal (<i>ship spares</i>) dan minyak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
24.	S :	Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan transit?
	J :	Perkhidmatan transit adalah penyediaan perkhidmatan melibatkan barang yang tiba di Malaysia bagi tujuan ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui mod pengangkutan udara / darat / laut tanpa melibatkan aktiviti pecah pukal. Barang dari luar Malaysia yang tiba di Malaysia bertujuan: (a) ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui darat (b) ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui laut (c) ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui udara <u>Contoh</u> Pesawat kargo membawa muatan kargo yang tiba di terminal kargo KLIA dari USA di bawa melalui jalan darat untuk ke destinasi akhir di Jurong, Singapura. Perkhidmatan logistik yang terlibat seperti <i>terminal handling charges</i>, caj pengangkutan serta caj pelepasan kastam di Kompleks Bangunan Sultan Iskandar, Johor yang berkaitan dengan perkhidmatan transit kargo tersebut adalah diberikan pengecualian cukai perkhidmatan.

25.	S	:	Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan penghantaran <i>door to door</i>?
	J	:	Perkhidmatan penghantaran barang secara <i>door to door</i> adalah perkhidmatan penghantaran barang yang melibatkan: i. Penyediaan perkhidmatan penghantaran barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di dalam Malaysia atau dari suatu tempat di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia tanpa melalui pihak ketiga. ii. Penyediaan perkhidmatan penghantaran barang oleh penyedia perkhidmatan rangkaian yang sama dari konsignor kepada penerima. iii. Perjalanan barangan tersebut menggunakan <i>airway bill / bill of lading / consignment note / delivery order</i> yang sama dari konsignor kepada penerima. iv. Penggunaan invois yang sama untuk caj penghantaran dari konsignor kepada penerima (<i>single billing invoice</i>). <u>Contoh 1</u> Penjual A di Thailand telah melantik KEL Thailand untuk membuat penghantaran kepada pembeli di Sepang, Malaysia. KEL TH telah melantik KEL MY di Malaysia untuk menguruskan penghantaran barang kepada pelanggan di Sepang. Tiada invois dikeluarkan oleh KEL MY kepada pelanggan di Sepang. Pelanggan di Sepang hanya membuat pembayaran kepada Penjual A di Thailand. Penghantaran barang secara <i>door to door</i> oleh KEL MY kepada pelanggan di Sepang adalah diberikan pengecualian cukai perkhidmatan. <u>Contoh 2</u> Kartini membeli beg tangan jenama Gucci dari Tokyo. Bagi tujuan penghantaran ke Malaysia, Kartini menggunakan perkhidmatan syarikat

		DMB untuk mengimport masuk barangan tersebut ke kediamannya di Ulu Choh, Johor secara <i>door to door</i>. Bagi tujuan penghantaran ke Malaysia, DMB Jepun menggunakan rangkaian perkhidmatan DMB Malaysia secara <i>single billing</i>. CP tidak dikenakan ke atas seluruh rangkaian penghantaran <i>door to door</i> kerana barangan masuk dari luar Malaysia menggunakan <i>airway bill</i> yang sama dari Tokyo ke Ulu Choh. DMB menggunakan perkhidmatan kurier CityExpress dari pusat servis mereka di Johor Bahru ke Ulu Choh kerana DMB tidak mempunyai servis ke Ulu Choh. CityExpress tidak perlu mengenakan CP kepada DMB kerana mendapat pengecualian B2B dimana CityExpress dan DMB berada di dalam butiran yang sama. (butiran 1(c)).
26.	S :	MKH forwarder telah dilantik sebagai ejen kastam oleh syarikat Yasraf Trading untuk menguruskan pelepasan kastam di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor bagi barangan perabot yang diimport dari Medan, Indonesia. Kontena bermuatan perabot tersebut telah dikenakan cukai oleh pihak kastam sebanyak RM5,000. Persoalan, adakah nilai cukai sebanyak RM5,000 ini perlu dicajkan cukai perkhidmatan pada kadar 6% kepada pelanggan (Yasraf Trading)?
	J :	Cukai kastam sebanyak RM5,000 tersebut dikenakan ke atas barangan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Kastam 1967 dan ini adalah cukai yang diwartakan. Oleh itu, nilai cukai ini adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
27.	S :	Syarikat AA mempunyai loji penyimpanan minyak di Kerteh, Kemaman Terengganu. Loji penyimpanan ini menyimpan minyak kepunyaan sendiri dan juga milik syarikat minyak yang lain seperti syarikat BB. Minyak ini disalurkan ke loji penyimpanan melalui saluran paip dari kapal minyak atau dari pelantar minyak di perairan Terengganu. Minyak kepunyaan AA ini akan diangkut keluar untuk

		dihantar ke stesen minyak milik syarikat menggunakan lori tangki minyak milik pihak ketiga. Manakala, pengeluaran minyak dari loji penyimpanan minyak oleh syarikat BB pula akan dikenakan caj <i>throughput</i> berdasarkan kepada volum pengeluaran minyak oleh AA. Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan di bawah kumpulan J, Perkhidmatan Logistik?
	J :	Syarikat AA di dapati menjalankan aktiviti penggudangan minyak. Penggudangan minyak adalah perkhidmatan bercukai di bawah butiran(a), Ruang 2, Kumpulan J, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Syarikat AA hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penggudangan yang disediakan kepada BB berdasarkan kepada caj <i>throughput</i> yang dibilkan kepada BB. Manakala, syarikat penyedia perkhidmatan pengangkutan minyak (pihak ketiga) hendaklah mengenakan CP kepada syarikat AA atas perkhidmatan mengangkut minyak dari loji ke stesen minyak milik syarikat AA.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi :

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PJH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam: -
 - Hotline : 1 300 88 8500
 - Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
 - Email : ccc@customs.gov.my